

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

Lengkapkan ulasan yang diberikan dengan ayat yang sesuai.

Putuskan Rantaian COVID-19



Rangka Ulasan

Pendahuluan

Pandemik COVID-19 – impak yang besar – memutuskan rantaian

Isi 1

Kerap mencuci tangan – sentiasa bersih – bebas daripada kuman dan juga virus

Isi 2

Memakai pelitup muka – mengekang penyebaran virus

Isi 3

Elakkan bersalaman atau bersentuhan – virus tidak merebak – sukar dikawal

Penutup

Langkah pencegahan perlu diambil – bukan rekaan

Ulasan Cemerlang

- Dengan cara ini tangan kita sentiasa bersih dan bebas daripada jangkitan kuman mahupun virus.
- Kita juga mestilah melakukan disinfeksi agar virus ini tidak merebak hingga sukar dikawal.
- Pemakaian pelitup muka dapat membantu untuk mengekang penyebaran virus dalam komuniti.
- Kita seharusnya menyahut seruan kerajaan agar memutuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan 3W.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara memberikan impak yang besar dalam kehidupan masyarakat. (1) _____

Kita disarankan agar kerap mencuci tangan dengan air dan sabun. (2) _____

Selain itu, kita digalakkan untuk memakai pelitup muka jika bergejala. (3) _____

Dalam pada itu, kita diingatkan agar tidak bersalaman atau bersentuhan dengan seseorang. (4) _____

Sebelum nasi menjadi bubur, langkah pencegahan perlu diamalkan kerana COVID-19 bukanlah rekaan.